

AKHBAR : METRO

TARIKH : 12.09.2018

M/S : 62

Putrajaya

Keeame mb 20 12/9/18
M/10
SPA perbetul pelanggaran prosedur lantikan politik

Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Ismail Bakar menafikan dakwaan mengalihkan Suruhanjaya Perkhidmatan (SPA) mensabotaj pegawai kerajaan yang dilantik kerajaan Pakatan Harapan (PH) dengan memberikan gred dan gaji lebih rendah.

Bagalmanapun, menurutnya, SPA ingin memperbetulkan pelanggaran prosedur dibuat pentadbiran Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

"Kami ingin mengikut prosedur ditetapkan kerajaan baru terutama bagi pelantikan politik. Kerajaan sebelum ini tidak mengikut

beberapa prosedur untuk melantik pegawai baru.

"Sekarang, kerajaan baru mahu kita mengikut prosedur ditetapkan dalam manifesto supaya dapat mengembalikan integriti dan tadbir urus yang baik," katanya.

Ismail berkongsi kenyataan itu di akaun Twitternya, @IsmailBakar60 semalam, selain memuat naik kenyataan dibuatnya menerusi sebuah agensi berita tempatan.

Baru-baru ini, sebuah portal berita melaporkan ada pihak tertentu dalam SPA dan Jabatan Perkhidmatan Awam

(JPA) mengingkari arahan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terutama berkaitan lantikan pegawai baru.



ISMAIL